

# PEMBINA UMS beri makanan percuma kepada mahasiswa

NST 15.1.2015 6

KOTA KINABALU: Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyediakan makanan tengah hari percuma kepada mahasiswa di Masjid UMS.

Pengerusi PEMBINA UMS, Muhammad Izzat Naif Mad Isa berkata, sumbangan tersebut bagi membantu mereka yang tidak berkemampuan.

“Mahasiswa yang ada di universiti terdiri daripada pelbagai latar belakang dan ada di antaranya yang mengalami kesempitan terutama pada penghujung semester. Justeru, PEMBINA UMS tampil sama-sama untuk membantu mereka melalui program seumpama ini,” ujarnya ketika ditemui media uni-

versiti.

Beliau berkata, usaha itu telah diadakan sejak Oktober tahun lalu di beberapa lokasi dalam universiti.

“Kita telah mengadakan pemberian makanan secara percuma ini di kolej-kolej kediaman dan pada kali ini kita memilih masjid sebagai pusat agihan makanan.

“Bagi pihak PEMBINA UMS, kami juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada yang sudi menyumbangkan dana dan tajaan bagi tujuan menjayakan usaha murni ini,” tambahnya sambil menyifatkan inisiatif mereka itu sebagai seiring dengan usaha pihak pengurusan universiti dalam menjaga kebijakan pelajar.



GAMBAR atas:  
Antara pelajar yang mengambil makanan yang diagihkan percuma di masjid UMS sementara gambar bawah akanan turut disediakan kepada pelajar wanita